



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN
KOD KURSUS : DSM2133
PEPERIKSAAN : JUN 2022
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: : BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab semua soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda seperempat berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 14 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

1. Manakah antara berikut merupakan perkara yang terkandung di dalam terma dan syarat dalam kontrak perkhidmatan?
 - i. Cuti bersalin.
 - ii. Deskripsi kerja.
 - iii. Waktu bekerja.
 - iv. Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

A i dan ii sahaja.
B i, ii dan iii sahaja.
C ii, iii dan iv sahaja.
D i, ii, iii dan iv sahaja.
2. Berikut merupakan perbezaan antara kontrak perkhidmatan dengan kontrak untuk perkhidmatan **kecuali**
 - A** kontrak perkhidmatan merupakan status pekerja manakala kontrak untuk perkhidmatan merupakan status kontrak bebas.
 - B** kontrak perkhidmatan akan membuat pembayaran gaji dan upah manakala kontrak untuk perkhidmatan akan membuat bayaran melalui invois pembayaran mengikut tempoh masa tertentu.
 - C** kontrak perkhidmatan penamatan kontrak boleh dituntut di mahkamah sivil manakala penamatan kontrak boleh dituntut di mahkamah perindustrian.
 - D** kontrak perkhidmatan merupakan hubungan pekerja dan majikan dikawal oleh perundingan pekerjaan manakala kontrak untuk perkhidmatan pula tiada peruntukan undang-undang memerlukan bayaran kepada kontraktor bebas.


3. Tanggungjawab majikan ialah menyediakan perkara-perkara berikut kepada pekerjaanya **kecuali**
- A bonus.
 - B upah.
 - C menyediakan sistem kerja yang selamat.
 - D kerja yang sah mengikut undang-undang.
4. Zarif merupakan seorang Pegawai Penyiasat yang telah dibayar sejumlah wang kerana membantu sindiket penyeludupan dadah. Manakah antara berikut merupakan kesalahan yang telah dilakukan oleh Zarif sebagai seorang pekerja?
- A Kesalahan disiplin.
 - B Tidak mematuhi arahan majikan.
 - C Membuat sebarang untung rahsia.
 - D Tidak menyimpan maklumat sulit majikan.



Gambar 1

5. Pekerja berhak melaporkan perbuatan majikan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Berdasarkan Gambar 1 di atas, apakah kewajipan majikan terhadap pekerja?
- A Memantau pekerja di tempat kerja.
 - B Memastikan pekerja mengikut peraturan.
 - C Menyediakan sistem kerja yang selamat.
 - D Memastikan tempat kerja diselenggara dan sentiasa kemas.

6. Afiyah diarahkan untuk bekerja lebih masa pada hari minggu. Beliau telah diberi bayaran harian mengikut kadar jam bekerja. Kadar bayaran yang diberikan kepada Afiyah dikenali sebagai
- A** upah.
 - B** elaun.
 - C** insentif.
 - D** bayaran kerja lebih masa.
7. Ameena masih belum menerima gaji untuk bulan Januari 2022. Jika gaji Ameena ialah pada 25 Januari 2022, berapa lamakah tempoh masa majikannya untuk membayar gaji Ameena?
- A** 5 hari.
 - B** 6 hari.
 - C** 7 hari.
 - D** 10 hari.

**Rajah 2**

8. Apakah yang diwakili oleh X?
- A** Hari Rehat, Seksyen 69, , Akta Kerja 1955.
 - B** Hari Rehat, Seksyen 60, , Akta Kerja 1955.
 - C** Waktu Kerja, Seksyen 61, , Akta Kerja 1955.
 - D** Waktu Kerja, Seksyen 60A, Akta Kerja 1955.

9. Jehan akan membayar bonus kepada pekerjanya sekiranya syarikat mendapat keuntungan dan jumlah bonus akan dibayar mengikut budi bicaranya hal ini merujuk

- A** bonus.
- B** bonus kontraktual.
- C** bonus bukan kontraktual.
- D** kontrak perkhidmatan pekerja.

10. Hanif didapati bersalah kerana membuat membuat gangguan seksual di tempat kerja. Semasa siasatan dalaman dijalankan Hanif telah digantung kerja selama

- A** 2 minggu.
- B** 3 minggu.
- C** 4 minggu.
- D** 5 minggu.

- Memberhentikan pekerja tanpa notis
- Menurunkan jawatan pekerja
- Penggantungan kerja tanpa gaji

Pernyataan 1

11. Pernyataan di atas merujuk

- A** denda.
- B** hukuman disiplin.
- C** penurunan pangkat.
- D** prerogatif pengurusan.

12. Encik Yunus telah dituduh kerana merokok di kawasan larangan yang mengakibatkan letupan di gudang operasi. Apakah tindakan Pengurus Sumber Manusia dalam kes ini?

- A Memotong gaji pekerja.
- B Menjalankan siasatan dalaman.
- C Melaporkan kepada jabatan majikan.
- D Melaporkan kepada Kesatuan Sekerja.

13. Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri persamaan antara pemberhentian tetap dengan pemberhentian secara sukarela?

Pemberhentian tetap		Pemberhentian secara sukarela
A	Penamatan kontrak.	Penamatan kontrak.
B	Pampasan.	Pampasan.
C	Memerlukan notis.	Memerlukan notis.
D	Mengemukakan borang pemberhentian pekerja.	Mengemukakan borang pemberhentian pekerja.

14. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai salah laku provokasi

- A Laila melakukan rasuah tanpa prejudis.
- B Laila mencuri wang syarikat tanpa disedari oleh pengurusnya.
- C Laila bertengkar dengan pengurus lalu menampar wajahnya.
- D Laila menjalinkan hubungan dengan pengurusnya secara peribadi.

15. Aina tidak hadir ke tempat kerja selama dua hari berturut-turut tanpa alasan yang diberikan kepada majikan. Kesalahan Aina boleh dikategorikan di bawah

- A Seksyen 59, Akta Kerja 1955.
- B Seksyen 60A, Akta Kerja 1955.
- C Seksyen 60E, Akta Kerja 1955.
- D Seksyen 15(2), Akta Kerja 1955.

- Memecat pekerja tanpa notis.
- Menurunkan pangkat pekerja.
- Mengenakan hukuman ringan bersifat adil.
- Menggantung pekerja.

Pernyataan 2

16. Pernyataan di atas merujuk kepada


- A penyiasatan.
- B hukuman disiplin.
- C siasatan domestik.
- D prinsip keadilan asasi.

17. Bagi hukuman salah saku, pekerja mempunyai hak membuat rayuan. Yang manakah antara berikut adalah **benar** tentang hak membuat rayuan?

- i Keputusan Ketua Pengarah perlu dipatuhi.
 - ii Membuat aduan bertulis kepada Ketua Pengarah.
 - iii Aduan dibuat dalam masa 30 hari daripada tarikh keputusan.
 - iv Ketua Pengarah boleh menyiasat, mengesahkan dan menolak keputusan majikan.
-
- A i dan iv.
 - B ii, iii, iv.
 - C i, ii dan iv.
 - D i, ii, iii dan iv.

18. Harry dipecat oleh majikannya tanpa alasan yang munasabah. Yang berikut ialah pernyataan tentang Seksyen 20, Akta Perhubungan Perindustrian 1967, **kecuali**

- A aduan dibuat secara bertulis.
- B orang yang membuat rayuan ialah seorang pekerja.
- C pekerja sudah dipecat atau dianggap pecat tanpa alasan.
- D aduan hendaklah dibuat dalam masa 90 hari dari tarikh pemecatan.



Rajah 3

19. Rajah di atas ialah

- A prosedur pemecatan.
- B prosedur tindakan tatatertib.
- C prosedur salah laku pekerja.
- D prosedur siasatan dalaman.

KUALA LUMPUR: Seramai lebih 300 pekerja AirAsia Bhd bakal ditamatkan perkhidmatan mereka oleh syarikat penerbangan tambang murah itu dalam usaha pengecilan operasi susulan daripada situasi sukar akibat wabak Covid-19.

Petikan: Berita Harian Online, 4 Jun 2020

Pernyataan 3

20. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A** penamatan kontrak tanpa notis.
- B** penamatan kontrak dengan notis.
- C** *layoff / Pemberhentian sementara.*
- D** *retrenchment/ pengurangan pekerja.*

21. Janani telah bekerja di Syarikat Aeroplane Sdn. Bhd. selama 20 tahun. Beliau mengambil keputusan untuk berhenti kerja disebabkan oleh tawaran kerja yang lebih baik daripada syarikat pesaing. Bilakah tarikh akhir Janani bekerja jika beliau meletakkan jawatan pada 1 Mac 2022?

- A** 25 April 2022.
- B** 26 April 2022.
- C** 25 Ogos 2022.
- D** 26 Ogos 2022.

22. Berikut merupakan dasar kualiti, keselamatan dan kesihatan pekerjaan **kecuali**

- A menyediakan tenaga kerja yang berkelayakan, berpengetahuan, berkebolehan dan berintegriti.
- B menyediakan dan menyelenggara suatu tempat dan sistem kerja yang berkualiti, selamat serta sihat dari sebarang hazard dan risiko.
- C memastikan bahawa semua kakitangan adalah diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan.
- D mempromosikan dan mencapai objektif kualiti, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, prosedur kerja, peraturan-peraturan dan garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

23. Naufal mengalami kemalangan di tempat kerja yang mengakibatkan patah di bahagian kaki kanannya. Manakah antara berikut merupakan skim yang akan memberikan perlindungan kepada Naufal?


- A Keilatan.
- B Bencana Kerja.
- C Insurans Pekerjaan.
- D Skim Perlindungan Majikan.

- Memerlukan layanan Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Khas atau Jemaah Doktor Rayuan.
- Elaun sebanyak RM500.00.

Pernyataan 4

24. Pernyataan di atas merujuk faedah

- A perubatan.
- B hilang upaya kekal.
- C elaun layanan sentiasa.
- D hilang upaya sementara.

Skim Bencana Pekerjaan**Rajah 4**

25. R merujuk kepada

- A** kemalangan di tempat kerja.
- B** kemalangan kecuaian pekerja.
- C** kemalangan yang tidak sengaja.
- D** kemalangan semasa dalam perjalanan.

26. Majikan di Kedai Emas Anuar akan mencarumkan potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pekerja yang bergaji RM5000.00 sebanyak

- A** 9%
- B** 11%
- C** 12%
- D** 13%

27. Aiman baru sahaja mendapat tawaran kerja. Memandangkan beliau tidak mendaftar dengan KWSP, majikan mengarahkan Aiman untuk membuat pendaftaran sendiri di KWSP. Manakah antara berikut merupakan kaedah yang boleh digunakan oleh Aiman untuk membuat pendaftaran KWSP tersebut?

- A** i-Sinar.
- B** Kiosk KWSP.
- C** i-Akaun Pekerja.
- D** Mesin Automatik Majikan.

28. Aini merupakan suri rumah. Beliau telah memilih untuk mencarum di KWSP.

Manakah antara berikut merupakan caruman yang perlu dicarum oleh Aini?

- A** i-Suri.
- B** i-Saraan.
- C** Caruman pilihan sendiri.
- D** Kasih Suri Keluarga Malaysia KWSP.

29. Salah satu fungsi Mahkamah Perindustrian ialah

- A** untuk menjadi sebuah organisasi yang unggul dalam mewujudkan suasana perhubungan perusahaan yang harmoni.
- B** mendukung keadilan sosial dan mengekalkan perhubungan perusahaan yang harmoni melalui award mahkamah dan perjanjian kolektif.
- C** membicarakan dan menurunkan keputusan atau award pertikaian perusahaan sama ada yang dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri atau rujukan terus oleh pihak yang bertikai.
- D** ditubuhkan untuk mewujudkan suasana keharmonian perhubungan perusahaan melalui proses timbang tara dan keputusan mahkamah (Award) selaras dengan perhubungan perusahaan 1967.

30. Muhamad telah membawa saman terhadap majikannya atas alasan pemecatan tidak adil pekerja. Mahkamah Perindustrian telah memberikan award pada 10 Mac 2022. Muhammad boleh memohon untuk rayuan ke Mahkamah Tinggi selewat-lewatnya pada

- A** 24 Mac 2022.
- B** 25 Mac 2022.
- C** 30 Mac 2022.
- D** 31 Mac 2022.

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

Huraikan keadaan-keadaan yang membenarkan majikan membuat potongan kepada gaji pekerja. Jawapan anda mesti merujuk Akta Kerja 1955.

(10 markah)

SOALAN 2

Syarikat telah membuat keputusan untuk menjatuhkan hukuman kepada Puan Heliza yang telah melakukan salah laku mencuri wang syarikat. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh syarikat sebelum mengenakan hukuman kepada Puan Heliza?

(10 markah)

SOALAN 3

Pada pandangan anda, apakah kepentingan disiplin di tempat kerja?

(10 markah)

SOALAN 4

Haikal yang merupakan seorang pekerja di Syarikat Amansari Shine Sdn. Bhd. telah mengalami hilang upaya kekal disebabkan oleh kemalangan di tempat kerja. Haikal telah memohon bantuan di bawah skim perlindungan PERKESO untuk meringankan beban beliau untuk menyara kehidupan keluarga. Apakah faedah yang boleh diperoleh oleh Haikal di bawah skim perlindungan tersebut?

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT